

From: Welcome Centre
Sent: 06 Januari 2016 16:59
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: INSPEN-NCRC KOMITED MENGGALAS AGENDA BERSAMA



06 JANUARI 2016 / 25 RABIULAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

INSPEN-NCRC KOMITED DALAM MENGGALAS AGENDA BERSAMA



ANJUNG TAMU ONLINE: Memang menjadi kelaziman bagi tetamu yang berkunjung ke Welcome Centre akan menghayati persekitaran dan mengemukakan pelbagai soalan tentang UUM.

40 delegasi dari Institut Penilaian Negara atau ringkas INSPEN yang ditubuhkan pada 1985 sebagai pusat latihan dan penyelidikan di bawah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia juga tidak melepaskan peluang untuk mengenali universiti pengurusan terkemuka yang telah mencipta nama di peringkat antarabangsa.

Komitmen INSPEN untuk memberi pendedahan kepada warga kerjanya berkongsi pengalaman dalam bidang penyelidikan sambil melawat telah mendapat kerjasama daripada Northern Corridor Research Centre (NCRC) yang mengatur itinerari menarik sebagai langkah promosi UUM.

“Syabas!, sangat berinformasi”, kata Timbalan Ketua Pengarah Penilaian (Teknikal) INSPEN, Dr. Rahah Ismail yang berpuas hati dengan lawatan dan penerangan yang diberikan oleh Welcome Centre.

“Terima Kasih di atas sambutan yang diberikan”, ujarnya lagi.

Dalam pada itu, persijilan MS 9001:2008 yang diperolehi oleh INSPEN telah menjadi penggerak utama dalam membangunkan pengetahuan dan kemahiran modal insan Jabatan dan industri amnya malahan melebarkan kemahiran mereka ke rantau Asian.

Justeru, INSPEN dan NCRC UUM akan terus menjalin kerjasama bagi melengkapkan agenda berimpak tinggi melalui latihan dan bidang penyelidikan.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

